

MYUniMAP
Edisi XXXVI
BERITA



UNIVERSITI
MALAYSIA
PERLIS

UniMAP SUMBANG TEKNOLOGI SOLAR KEPADA PENDUDUK KAMPUNG BALIK GUAR

Oleh : Mohd Basri Basir

ARAU – Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) terus komited dalam melaksanakan tanggungjawab sosial korporatnya (UCSR) apabila menyumbangkan teknologi solar panel di Surau Kampung Balik Guar, Chuping, di sini. Naib Canselor UniMAP, Dato' Prof. Dr. Zul Azhar Zahid Jamal berkata, selain bertemu masyarakat desa, program memasyarakatkan teknologi diadakan dengan memasang panel solar sekali gus membuktikan semangat setiakawan yang telah lama wujud antara masyarakat Perlis dan UniMAP.

"Sebagai sebuah universiti di Perlis, UniMAP merasakan amat perlu berkongsi segala ilmu dan teknologi terkini yang boleh dimanfaatkan bersama masyarakat Perlis. "Oleh itu sebagai permulaan, kita telah memilih surau Kampung Balik Guar, Chuping untuk dipasang panel solar daripada UniMAP," katanya hari ini. Beliau berkata demikian ketika berucap pada Majlis Penutup Program Kayuhan Limpahan Kasih UniMAP, yang disempurnakan Canselor UniMAP, Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalullail.



Turut bercemar duli berangkat hadir, Pro Canselor UniMAP, Duli Yang Teramat Mulia Tuanku Hajah Lailatul Shahreen Akashah Khalil. Hadir sama Exco Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, Pengangkutan, Pembangunan Wilayah, Koridor, Kawasan Pertubuhan Baru dan Bandar Baru Perlis, Asmaiza Ahmad

Selain dari penyerahan panel solar, pada program itu juga turut diadakan gotong-royong mengecat surau serta kenduri rakyat bersama masyarakat Kampung Balik Guar. Sepanjang kayuhan sejauh 17 kilometer itu baginda telah berkenan menyampaikan sumbangan kepada empat buah rumah asnaf. Terdahulu peserta kayuhan dilepaskan Pro Canselor UniMAP, Duli Yang Teramat Mulia Tuanku Hajah Lailatul Shahreen Akashah Khalil di mini Pusat Transformasi Luar Bandar (RTC) Kok Klang.